

AKTIVITI PENDAKIAN GUNUNG SANTUBONG CAWANG MATERIEL PANGKALAN UDARA KUCHING

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2466-aktiviti-pendakian-gunung-santubong-cawang-materiel-pangkalan-udara-kuching

KUCHING, 23 Sep 17 – Satu aktiviti riadah telah diadakan oleh Cawang Materiel iaitu pendakian Gunung Santubong melibatkan pegawai serta anggota yang diketuai Ketua Cawang Materiel, Mejaz Omar Zai bin Abas TUDM.

Semua peserta telah berkumpul seawal jam 6.30 pagi di Pangkalan Udara Kuching sebelum bergerak ke lokasi yang berjarak 35 km dari Pangkalan. Semua peserta telah berjaya menawan puncak Gunung Santubong yang berketinggian 2,658 kaki pada tengahari dan turun semula pada jam 5.00 petang. Tujuan utama pendakian adalah untuk mengeratkan lagi semangat setiakawan serta menguji ketahanan fizikal dan mental para peserta.



